

# UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.02/10.12/2 Jld. 5 ( 21 )

11 Februari 2018  
25 Jamadilawal 1439

## PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 16/2018

### PEMAKAIAN SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 2 TAHUN 2017 KEBENARAN GANTIAN CUTI REHAT MELEBIHI 150 HARI DIGUNAKAN SEBAGAI CUTI REHAT PADA TAHUN PERSARAAN

Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 95 bertarikh 17 Januari 2018 telah meluluskan pemakaian Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2017 mengenai Kebenaran Gantian Cuti Rehat Melebihi 150 Hari Digunakan Sebagai Cuti Rehat Pada Tahun Persaraan.

2. Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2017 ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan Kerajaan bagi membenarkan Gantian Cuti Rehat (GCR) yang dikumpul melebihi 150 hari digunakan sebagai cuti rehat pada tahun persaraan

3. Pegawai yang layak untuk menggunakan kemudahan ini adalah pegawai yang mengumpul GCR melebihi 150 hari pada tahun persaraan iaitu hanya GCR yang melebihi 150 hari boleh digunakan sebagai cuti rehat. Pegawai boleh menggunakan cuti ini secara sekaligus ataupun berperingkat dalam tempoh dua belas (12) bulan sebelum tarikh bersara tertakluk kepada kelulusan Ketua Jabatan. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2018.

4. Sehubungan dengan itu, seluruh warga Universiti adalah diminta mengambil maklum mengenai pemakaian Surat Pekeliling ini. Maklumat lanjut berhubung pekeling boleh dirujuk ke Seksyen Perkhidmatan, Bahagian Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar, Universiti Teknologi Malaysia.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

**“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”**

Yang benar,



(DATO' WAN MOHD. ZAWAWI BIN WAN ABD. RAHMAN)  
Pendaftar

- s.k. - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
  - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
  - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
  - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
  - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
  - Pengarah Pusat Penyelidikan - Kampus Pagoh
  - Pegawai-pegawai Kanan/Dekan/Pengarah